

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 2 Disember 2020 12:39 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RM300,000 Untuk Jayakan Agenda Penyelidikan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 DISEMBER 2020 / 16 RABIULAKHIR 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

RM300,000 UNTUK JAYAKAN AGENDA PENYELIDIKAN



UUM ONLINE: Bagi mengalkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan penyelidik universiti, Uniutama Education and Consultancy Sdn Bhd (UECSB) telah menyerahkan sumbangan Geran Penyelidikan berjumlah RM300,000 kepada Universiti Utara Malaysia (UUM).

Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB), Rodzi Lebai Karim kepada Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, semalam.

Naib Canselor berkata, dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu kini telah menyebabkan universiti sukar untuk menerima dana sama ada dari dalam atau luar negara bagi menjayakan agenda penyelidikan.

